

Mahathir ingatkan tokoh2 dalam BN elakkan berpuak2

JOHOR BHARU 22 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin-pemimpin parti dalam komponen Barisan Nasional supaya mengelakkan daripada berpuak-puak ketika mengendalikan pimpinan parti masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri berkata, amalan berpuak-puak jika dibawa ke dalam pimpinan parti boleh memecahkan perpaduan parti itu sendiri.

Tegasnya: "Kita tidak mahu pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional mengamalkan puak-puak kerana akibatnya boleh memecahkan perpaduan Barisan Nasional sendiri."

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat ingatan ini ketika berucap di majlis dialog pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Dewan Golf Club Tsik Utara di sini malam tadi.

Majlis itu yang dipengerusikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Saat dihadiri oleh ketua-ketua UMNO, MCA, MIC bahagian-bahagian di negeri ini termasuk juga wakil-wakil rakyat Barisan Nasional di negeri ini.

Timbalan Perdana

UM 24 MAY 1979
Menteri seterusnya meminta pemimpin-pemimpin Barisan di semua peringkat supaya mengikut arahan-arahan dari pucuk pimpinan tertinggi parti.

Beliau juga berharap setiap pemimpin dalam Barisan Nasional mengenyakan kepentingan-kepentingan perseorangan supaya parti Barisan Nasional dapat hidup lebih kukuh dan kuat terus menerus.

Katanya: "Kita tidak mahu kerana perebutan satu kerusi sahaja parti kita akan berpecah kerana jika ini berlaku tidak ada siapa yang untung."

Kukuh

"Sebaliknya kalau kita sanggup menerima arahan dari kepimpinan parti dengan mengenyakan kepentingan seseorang maka kita akan terus padu dan dihormati."

Datuk Sri Dr. Mahathir meminta agar pemimpin-pemimpin parti Barisan mengeratkan hubungan masing-masing di antara satu sama lain dan meneruskan perjuangan parti untuk kepentingan negara, bangsa dan agama.

Menurutnya, Barisan Nasional sebagai sebuah parti pemerintah yang kukuh akan terus memberikan pimpinan kepada rakyat tanpa gangguan oleh orang-orang luar parti.

Beliau berharap Barisan Nasional di peringkat Negeri Johor dapat mengekalkan kejuaraannya sebagai 'kubu yang kuat' di antara negeri-negeri.

Timbalan Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya, Datin Dr. Siti Hasmah telah kembali ke Kuala Lumpur setelah membuat lawatan rasmi ke Negeri Johor.

Beliau telah dialu-
kan kepulangannya di Lapanganterbang Senai oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri yang diketuai oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Saat dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Sementara itu, beribu-ribu rakyat telah berbaris di kiri kanan, menuju ke Lapanganterbang Senai untuk turut mengucapkan selamat pulang kepada Timbalan Perdana Menteri dan isterinya itu.